

13/10/2001

Umat Islam perlu saling menziarahi

Kadir Dikoh; Ahmad Nadzim Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan umat Islam agar saling melawat negara Islam lain bagi mengeratkan silaturrahim, selain membantu mengembangkan industri pelancongan serta ekonomi dunia Islam.

Perdana Menteri berkata, umat Islam seluruh dunia perlu mengenali satu sama lain secara lebih dekat supaya dapat mengeratkan lagi kerjasama dan membantu melindungi kepentingan bersama dalam dunia yang semakin mencabar.

"Bagi orang Islam, mengenali saudara seagama mereka di negara lain boleh dikatakan hampir-hampir satu kewajipan. Kita mesti mengakui bahawa walaupun agama kita mengikat kita dalam tali persaudaraan, kita sebenarnya tidak begitu rapat antara satu sama lain.

"Saudara-saudara perlu menggalakkan rakyat di negara saudara supaya melancong, melawat negara Islam lain yang tidak begitu banyak diketahui mereka.

"Secara bersendirian kita mungkin diketepikan. Tetapi jika kita bergerak bersama, kita mempunyai peluang. Sebelum kita boleh menyokong antara sama lain, kita perlu terlebih dahulu mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi," katanya ketika merasmikan Persidangan Menteri Pelancongan Islam ke-2 di Seri Kembangan, hari ini.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri wakil 30 negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) termasuk 15 Menteri Pelancongan. Ia antara lain membincangkan beberapa rancangan untuk menggalakkan pelancongan di kalangan anggota OIC, di samping meningkatkan prasana di negara itu.

Dr Mahathir berkata, sektor pelancongan bukan saja menyumbang kemajuan ekonomi, malah membolehkan umat Islam mempelajari dan memahami cara hidup umat Islam yang berlainan bangsa.

"Memandangkan dunia kini semakin mengecil dan kita terpaksa menjadi jiran yang rapat dengan semua orang di dunia oleh kerana sempadan negara tidak lagi mengasingkan kita, maka terdapat keperluan yang benar-benar mendesak untuk kita melihat dan memahami bagaimana orang lain menjalani kehidupan mereka.

"Kalau kita tidak berbuat demikian kita akan mempunyai pandangan yang tidak tepat dan berat sebelah dengan semua orang melainkan dengan orang di negara kita saja," katanya.

(END)